

17 MAY 1996

Abu Hassan - Komputer

KERAJAAN AKAN LINDUNGI HARTA TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji keperluan meminda undang-undang sekarang atau menggubal undang-undang baru bagi melindungi hak harta Teknologi Maklumat, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar.

"Perkara ini akan dikaji dengan teliti terutama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran PC Fair 1996 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Pameran tiga hari itu ialah anjuran Persatuan Industri Komputer Malaysia, (PIKOM).

Menurut Abu Hassan, kementerian sedang mengkaji beberapa aspek untuk meminda atau mengadakan peraturan baru bagi membolehkan perlindungan diberi terhadap harta Teknologi Maklumat.

Katanya, seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan mempelawa pelabur mengambil bahagian dalam mewujudkan super koridor media dan untuk tujuan itu, langkah-langkah sesuai akan difikirkan.

"Saya ingin lihat bahawa apa yang diumumkan oleh Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu membentangkan Belanjawan 1996 baru-baru ini dapat dinikmati pengguna kerana memang harapan kerajaan agar harga komputer dan lain-lain berkaitan Teknologi Maklumat mampu dibeli oleh pengguna," katanya.

"Teknologi Maklumat merupakan perkembangan yang amat menggalakkan dan kerajaan sememangnya menggalakkan usaha bagi meningkatkan perkembangan Teknologi itu," tambahnya.

Terdahulu, Abu Hassan berkata kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menjadikan teknologi komputer sebagai tarikan utama bagi pelaburan berteknologi tinggi ke negara ini.

Katanya, inisiatif ini membabitkan antara lain penubuhan Multi-media Super-Corridor (MSC) dan mewujudkan Bandaraya berintensifkan maklumat, Putrajaya serta menyediakan peruntukan yang besar bagi penyelidikan dan pembangunan.

Beliau berkata projek MSC dan Putrajaya sahaja membabitkan pelaburan RM25.4 bilion di bawah RMK7.

"Objektifnya ialah membolehkan perkhidmatan awam menyediakan perkhidmatan yang cepat lagi berkualiti kepada orang awam. Kerajaan juga menggalakkan pendidikan komputer bagi menghasilkan lebih banyak graduan dalam bidang komputer dari institusi latihan sektor awam dan swasta," kata beliau.

Menurut Abu Hassan, kementerian akan terus memberi galakan kepada pertumbuhan industri Teknologi Maklumat di Malaysia dan memastikan hak harta intelek berhubung dengan perkembangan teknologi dilindungi.

Beliau juga berkata, kempen Inflasi Sifar yang dilancarkan oleh kerajaan boleh menampakkan keberkesanan jika firma-firma Malaysia menggunakan komputer secara lebih kreatif bagi meningkatkan produktiviti pekerja. -- BERNAMA

ZAB FAZ